

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) PADA
PROGRAM SENAM RIA
BERSAMA NAIB CANSELOR UniMAP SEMPENA MINGGU SUAIKENAL
SIDANG AKADEMIK 2014/15,
6 SEPTEMBER 2014

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Satu Malaysia dan Salam Sejahtera.

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan- Timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai –Pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Yang dikasihi pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2014/15 serta semua warga UniMAP.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Saba Hunhair.

KATA-KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita menadah tangan mengucap syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, membolehkan kita untuk bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Program

Senam Ria Bersama Naib Canselor UniMAP Sempena Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2014/15.

Ladies and Gentlemen,

2. Welcome to **Senamria Bersama Naib Canselor**. It is an honor to stand before you today and welcome you to this amazing community of UniMAP. You are a unique and talented mix of students who have come to us from every corner of the globe. I want to thank you for choosing UniMAP. We are happy and privileged to have you at UniMAP.
3. Perhaps some of you have never set foot in the state of Perlis and perhaps this is also your first time being away from your family. Please rests assure that this is the place that will transform you, in four years time, into someone that your parents will be proud of.
4. The day you stepped into this campus signified a new stage of your life. You have to be more independent and less reliant on your parents' guidance and decisions. Often you have to learn how to stand on your own two feet to face challenges and to make tough decisions. You have to learn how to weather storms, and face difficulties. This will make you a better and tougher person to face the world later on.
5. I hope your stay in UniMAP will be one of the most exciting times of your life. I wish you all the best for a rewarding and challenging four years on this campus, which will be the start of what I hope will be a lifelong experience as members of the UniMAP's family.

Anak didik yang saya kasihi sekalian,

PROGRAM SENAMROBIK

6. Untuk pengetahuan para pelajar sekalian, UniMAP mempunyai corak dan kaedah tersendiri dalam usaha mendekatkan diri dengan pelajar-pelajar dan salah satu daripadanya ialah daripada aktiviti riadah dan senamrobik seperti ini.

7. Mungkin ada diantara anda ada yang tertanya-tanya mengapakah Program Senam Ria Bersama Naib Canselor UniMAP ini diadakan?. Untuk pengetahuan semua, program senamrobik ini merupakan salah satu platform bagi semua warga UniMAP berkumpul sebagai satu keluarga dan sama-sama melakukan pergerakan-pergerakan yang bukan sahaja membantu menyegarkan badan tetapi pada masa sama menyumbang kepada kecergasan minda.
8. Disebabkan kampus kita dalam suasana kampus yang terletak bertaburan di seluruh negeri Perlis, program senamrobik ini dijadikan medium untuk mengumpulkan semua warga UniMAP disamping dapat mengeratkan hubungan di antara staf. Program senamrobik ini diadakan bagi memberi peluang kepada para pelajar untuk mengenali dengan lebih rapat lagi sesama pelajar serta staf UniMAP yang akan pelajar berurusan ketika belajar di sini.
9. Program senamrobik seperti ini juga dijadikan sebagai program perhimpunan mingguan untuk semua staf bagi mendengar amanat dari Naib Canselor serta berkongsi maklumat mengenai kejayaan dan pelbagai perkara yang berlaku di UniMAP.

Para pelajar yang saya kasihi sekalian

SUKAN DAN UniMAP

10. Saya percaya ada diantara anda semua pernah mendengar atau terbaca mengenai kejayaan UniMAP dalam bidang sukan sama ada di akhbar ataupun di televisyen. Walaupun kita tidak mempunyai fakulti sukan, namun kita mampu bersaing dengan universiti-universiti yang menawarkan kursus kesukanan.
11. Baru-baru ini, Kontinjen Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengungguli Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) 2014 apabila meraih sembilan pingat emas, tujuh pingat perak

dan tiga pingat gangsa sekaligus dinobatkan sebagai juara keseluruhan untuk kali ketujuh berturut-turut.

12. Untuk makluman para pelajar sekalian, kegemilangan UniMAP di pentas SUKUM bermula sejak tahun 2008 lalu dan terus kekal di puncak meskipun menerima tentangan sengit daripada universiti-universiti lain yang mengambil bahagian.
13. Sumbangan pelajar dalam bidang sukan juga tidak kurang hebatnya apabila Kontingen UniMAP mendapat tempat keempat keseluruhan pada Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 di UiTM Shah Alam, Februari lalu.
14. UniMAP telah berjaya mengutip 15 pingat emas, enam pingat perak dan lapan pingat gangsa menerusi enam acara sukan iaitu olahraga dengan tujuh pingat emas, tiga perak dan lima gangsa; tenis (tiga pingat emas); woodball (tiga pingat emas, tiga perak dan dua gangsa); petanque dan karate-do dengan masing-masing satu pingat emas serta lawn ball (satu pingat gangsa).
15. Pencapaian ini membuktikan UniMAP mementingkan keseimbangan antara bidang akademik dan sukan. Kita tidak mahu, graduan yang hanya cemerlang di dalam bidang akademik semata-mata tetapi gagal sebaliknya. Graduan yang dilahirkan UniMAP harus cemerlang dalam pelbagai bidang supaya mempunyai nilai tambah yang sukar dihasilkan oleh IPTA-IPTA lain.
16. Untuk makluman semua, kita mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang lengkap untuk para pelajar melakukan aktiviti riadah serta bersukan. Terdapat empat zon yang boleh digunakan pelajar iaitu:
 - a) Zon A (Kubang Gajah): menempatkan stage senamrobik, multipurpose court untuk sukan, bola jaring, bola tampar, futsal dan bola baling, dewan serbaguna untuk sukan badminton dan sepaktakraw, gelanggang tenis, padang bola dan driving range.

- b) Zon B (Wang Ulu): Menempatkan gym(outdoor),gymnasium,sepaktakraw,bola keranjang,bola jaring, bola sepak, bola tampar. (Taman Bahagia) multipurpose court untuk bola jaring,futsal dan bola tampar.
- c) Zon C (Kg.Wai/Seberang Ramai): Menempatkan gelanggang beach soccer,gym (outdoor),gymnasium,sepak takraw,bola keranjang,bola jaring,bola sepak.
- d) Zon D (Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra,Pauh Putra):Menempatkan balapan, padang bola sepak,gelanggang bola baling, tenis, hoki (rumput), futsal, bola jarring, bola tampar, bola keranjang, takraw, woodball (36 fairway) dan x-tream dirt bike area.
17. Jika dilihat pada segala kemudahan yang kita sediakan ini saya rasa sudah lebih dari mencukupi dan saya berharap agar para pelajar dapat menggunakan sebaiknya kemudahan-kemudahan ini.
18. UniMAP sentiasa komited untuk menghasilkan atlet-atlet yang mampu untuk bersaing bukan saja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa. Malah, kita juga mempunyai staf-staf yang terdiri dari atlet-atlet yang mewakili Malaysia, seperti atlet angkat berat, Mohd Faiz Musa yang menyertai sukan Komanwel edisi ke-20 di Glasgow, Scotland, Ogos lalu. Atlet lompat berpagar lelaki, Mohd Robani Hassan, dan bekas raja pecut Asia Tenggara, Nazmizan Muhammad.
19. Kepada para pelajar,saya ingin menyeru agar bergiat aktif dan gunakan peluang sepanjang anda berada di sini untuk memajukan diri dalam bidang sukan yang diminati.
20. Pada 21 September ini, bersempena dengan Festival Konvokesyen UniMAP akan berlangsung Larian Utara (penganjuran kali ke-3) serta Autisme Charity Walk 2014. Justeru, saya mengharapkan penglibatan penuh semua pelajar tahun 1 pada kedua-dua program tersebut yang akan diambil kira dalam program pillars para pelajar.

PENUTUP

21. Rasanya cukuplah sampai disini saja ucapan saya untuk pagi ini. Akhir kata, saya berharap kepada semua pelajar UniMAP agar sentiasa bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara sekaligus dapat mengharumkan nama UniMAP yang kita sayangi ini.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.